

Penolakan Ajakan di Kalangan Penutur Bahasa Jepun Berbangsa Melayu: Analisis Strategi dan Kesan Kesantunan

Natsue Hieda

hiedanatsue@gmail.com

Universiti Kebangsaan Malaysia

Nor Hashimah Jalaluddin

shima@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

Mohammad Fadzeli Jaafar

fadzeli@ukm.edu.my

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Penolakan ajakan adalah bidang yang menarik untuk dikaji, terutamanya apabila pertukaran bahasa berlaku dalam konteks antara budaya. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi penolakan ajakan yang digunakan oleh penutur bahasa Jepun berbangsa Melayu serta mengesahkan kesan kesantunan terhadap pemilihan norma mereka. Data kajian ini diperolehi melalui kaedah lakonan terbuka menerusi perkhidmatan rangkaian sosial (SNS) serta temu bual pasca lakonan. Kajian ini membuat perbandingan dari sudut kekerapan penggunaan formula semantik serta purata penggunaan formula semantik per kapita di antara 20 orang penutur asli bahasa Melayu (MNS) dan 20 orang penutur asli bahasa Jepun (JNS). Perbandingan turut dilakukan dalam konteks bahasa ibunda mahupun konteks antara budaya. Kesan kesantunan ditentukan berdasarkan kerangka Teori Kesantunan Wacana. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya strategi yang diambil oleh MNS dalam bahasa Jepun menghasilkan kesan kesantunan yang positif/neutral kerana MNS telah berjaya untuk menyesuaikan diri dengan norma dalam bahasa sasaran. MNS telah berubah untuk memberatkan kesantunan negatif dalam konteks antara budaya dengan mengurangkan jumlah jenis formula semantik serta membanyakkan penggunaan {sebab kabur} dan {reaksi positif} mengikut cara penolakan JNS secara proaktif. Strategi yang tidak tipikal yang digunakan oleh MNS juga masih dapat diterima oleh JNS kerana penerima mesej menetapkan “julat toleransi” secara meluas. Satu kes salah faham dalam konteks antara budaya ditemui dengan dipengaruhi imej parti di rumah yang berlainan di antara MNS dan JNS. Kajian ini telah membuktikan daya keterbukaan dalam masyarakat Melayu apabila MNS berkomunikasi dalam konteks antara budaya.

Kata kunci: Penolakan ajakan; Penutur bahasa Jepun berbangsa Melayu; Strategi; Kesan kesantunan; Teori Kesantunan Wacana

Declining an Invitation among Malay Nonnative Speakers of Japanese: Analysis of Strategies and Politeness Effects

ABSTRACT

The declining of an invitation is an interesting area to study, especially when the language exchange takes place in an intercultural context. The purpose of this study is to identify the

refusal strategies used by Malay nonnative speakers of Japanese as well as to clarify the politeness effects on their choice of norms. The data for this study were obtained using open role-play through SNS and by post-task interviews. The study compared the frequency of semantic formula usage and the average usage of semantic formulas per capita between 20 native speakers of Malay (MNSs) and 20 native speakers of Japanese (JNSs). Comparisons were made in native as well as intercultural contexts. The politeness effects were determined based on the framework of Discourse Politeness Theory. As a result, the general strategies used by the MNSs in Japanese produced positive/neutral-politeness effects because the MNSs could adapt to the target language norms. The MNSs altered their approach to enhance negative politeness in intercultural contexts by reducing the number of semantic formulas and proactively increasing the use of {vague excuse} and {positive opinion} in response to the refusal strategies of the JNSs. The atypical strategies proposed by the MNSs were also accepted by the JNSs because the message recipients set wide “acceptable variations.” A case of misunderstanding in intercultural contexts was also found due to the influence of different home-party images between the MNSs and JNSs. This study proves the power of openness in the Malay community when MNSs communicate in intercultural contexts.

Keywords: Declining an invitation; Malay nonnative speakers of Japanese; Strategies; Politeness effects; Discourse Politeness Theory

PENGENALAN

Ajakan, iaitu “pelawaan atau jemputan untuk turut serta melakukan sesuatu” (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2007) adalah salah satu perlakuan linguistik yang penting untuk membina, mengekalkan serta membangunkan hubungan manusia yang mesra dengan orang lain. Di antara dua keputusan sama ada penerimaan atau penolakan terhadap ajakan, penolakan merupakan perlakuan bahasa yang lebih rumit dan sukar direalisasikan kerana ia tidak dapat mengikut kehendak pengajak. Oleh itu, penolakan memerlukan langkah-langkah untuk memperbaiki ketidakseimbangan yang telah terjadi dengan lawan tutur (Fujimori, 1995). Tambahan lagi, penolakan dalam bahasa kedua lebih berisiko tinggi untuk menyebabkan salah faham dan kegagalan dalam komunikasi antara budaya (Kanokwan, 1995). Oleh yang demikian, penolakan ajakan telah menjadi satu perkara yang penting dalam pendidikan bahasa Jepun sebagai bahasa kedua/asling.

Sehubungan itu, kajian mengenai penolakan ajakan telah dilakukan secara aktif dan meluas di dalam dan di luar negara Jepun. Kajian tersebut menjadi lebih bervariasi dalam bahasa yang dibandingkan (bahasa Jepun, bahasa Inggeris, bahasa Cina, dan lain-lain), kaedah pengumpulan data (Tugas Penyempurnaan Wacana, lakonan, pemerhatian, dan lain-lain), dan sasaran analisis (strategi, struktur wacana, bentuk tatabahasa, dan lain-lain).

Namun, dengan hanya menjelaskan perbezaan di antara penutur asli dengan penutur bukan asli tidak mencukupi untuk merealisasikan komunikasi antara budaya yang lancar. Sebaliknya, bagaimana untuk mengisi jurang yang timbul daripada perbezaan tersebut perlu dibincangkan secara lebih mendalam. Satu perkara yang perlu diperhatikan ialah norma penutur asli tidak semestinya menjadi pilihan yang optimum dalam komunikasi antara budaya, dan sesuatu perlakuan didengar sebagai alternatif yang agak berbeza tetapi cukup untuk diterima (Kasper & Schmidt, 1996). Dalam erti kata lain, norma penutur asli menjadi hanya satu pilihan bagi penutur bukan asli, bukan menjadi matlamat yang mesti diikuti. Oleh yang demikian, kajian seterusnya penting dilakukan untuk mengesahkan mana satu norma yang dipilih oleh penutur bukan asli, dan bagaimana norma yang dipilih oleh penutur bukan asli ditafsirkan dan dinilai oleh penutur asli.

Di samping itu, kebanyakan kajian lampau berkenaan penolakan ajakan seperti Fujiwara (2004) dan Ito (2002) menganalisis data komunikasi bersemuka, namun kajian yang memfokuskan data komunikasi tidak bersemuka masih kurang dilakukan. Cara komunikasi tidak bersemuka telah berubah secara drastik pada tahun-tahun sebelum ini mengikut perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. Kini, alat komunikasi seperti surat atau telefon telah digantikan dengan perkhidmatan rangkaian sosial (SNS) mengikut penyebaran telefon pintar yang pantas. Oleh itu, kajian yang memberi fokus kepada komunikasi yang menggunakan peralatan terkini juga penting untuk memberi sumbangan ke pendidikan komunikasi semasa.

Selain itu, penggunaan bahasa Jepun sebagai bahasa kedua/asing oleh orang Malaysia masih kurang diperhatikan walaupun masyarakat Malaysia sudah lama berusaha untuk memperkembangkan pendidikan bahasa Jepun di pelbagai sektor kerajaan mahupun swasta. Malaysia mempunyai bilangan pelajar bahasa Jepun kesepuluh terbesar di dunia (The Japan Foundation, 2020), dan lebih daripada 16,000 pelajar atau pelatih telah dihantar ke Jepun berdasarkan Dasar Pandang ke Timur yang telah diperkenalkan oleh Tun. Dr. Mahathir, iaitu mantan Perdana Menteri Malaysia ke 4 dan ke 7 (Embassy of Japan in Malaysia, 2020).

Sehubungan itu, kajian ini memberi tumpuan kepada strategi penolakan ajakan, dan menjelaskan perbezaan di antara penutur asli bahasa Melayu (selepas ini disebut sebagai MNS) dengan penutur asli bahasa Jepun (selepas ini disebut sebagai JNS). Perbandingan di antara dua bangsa tersebut akan dilakukan dalam dua konteks berikut, iaitu konteks bahasa ibunda (konteks di antara penutur asli satu sama lain) dan konteks antara budaya (konteks di antara MNS dan JNS dalam bahasa Jepun). Seterusnya, kajian ini juga akan mengesahkan kesan kesantunan berdasarkan Teori Kesantunan Wacana (*Discourse Politeness Theory*, selepas ini disebut sebagai TKW) untuk mengenal pasti sama ada sesuatu strategi yang dipilih oleh MNS dapat diterima atau tidak oleh JNS.

KAJIAN LITERATUR

Bahagian ini meninjau kajian lampau mengenai strategi penolakan ajakan, terutamanya strategi yang mungkin boleh menyebabkan salah faham di antara JNS dengan penutur bukan asli bahasa Jepun (JNNS). Strategi penolakan ajakan oleh MNS juga diberi perhatian dalam bahagian ini. Formula semantik, iaitu klasifikasi ujaran mengikut kandungan semantik seperti disenaraikan dalam Jadual 1, akan ditulis dengan kurungan { } dalam artikel ini.

Berkenaan strategi penolakan ajakan dalam bahasa Jepun, ciri-ciri yang lebih kabur dan eufemistik jika dibandingkan dengan bahasa yang lain telah dikemukakan dari awal dalam kajian bidang pragmatik. Sebagai contoh, Liu (1984) menyatakan bahawa JNS mengamalkan perlakuan linguistik yang “berorientasikan harmoni” dan cenderung untuk menggunakan ekspresi yang eufemistik, rendah diri, dan konservatif, manakala penutur asli bahasa Cina menggunakan “ekspresi langsung” dengan menggunakan ekspresi yang lebih langsung, tinggi diri, dan persuasif.

Mengenai ciri kabur dalam strategi bahasa Jepun tersebut, Okamoto et al. (2003) menerangkan kes-kes salah faham dari perspektif JNNS. Menurut mereka, JNNS kadang kala menafsirkan ekspresi eufemisme “*chotto...* (susah sikit...)” secara literal. Oleh itu, JNNS terfikir masalah adalah hanya “sikit” dan kemungkinan besar ajakan boleh diterima oleh lawan tutur. Namun, ekspresi tersebut biasanya difahami sebagai penolakan dalam bahasa Jepun kerana “sikit” berfungsi sebagai pelembut sahaja. Mereka juga menegaskan bahawa penolakan dalam bentuk {penangguhan} seperti “Saya fikir dulu” atau “Tak pasti” juga kerap menyebabkan salah faham di antara JNS dan JNNS. JNNS terfikir kemungkinan besar lawan tutur boleh datang apabila {penangguhan} diberi, tetapi hakikatnya ia digunakan sebagai

penolakan. Salah faham berkenaan penggunaan {penanggungan} dalam MNS dan JNS juga telah dilaporkan dalam Date (2006).

Seterusnya, kecenderungan JNS yang kerap menggugurkan {keputusan} turut diperhatikan. JNS lebih cenderung untuk memilih strategi secara tidak langsung, iaitu strategi yang hanya menyatakan {sebab} dan tidak menyatakan {keputusan} seperti “No” atau “tidak boleh” secara eksplisit (Namagoma & Shimura, 1993). Okamoto et al. (2003) menekankan bahawa JNS sering menyuruh pendengar meneka kesimpulannya, tetapi dalam bahasa yang lain seperti bahasa Cina dan bahasa Rusia, pengguguran {keputusan} dinilai negatif seperti tidak bertanggungjawab dan tidak sopan. Pengguguran {keputusan} ini juga kerap ditemui dalam data bahasa Melayu (Hiba & Maryam, 2014). Walau bagaimanapun, terdapat juga tinjauan yang menunjukkan dapatan yang bertentangan seperti JNS kerap menyatakan {keputusan} (Bun, 2011; Kanokwan, 1995; Mekkreangkrai, 2013).

Seterusnya, {sebab} dilihat secara terperinci. Kenyataan {sebab} kerap ditemui dalam pelbagai bahasa, namun {sebab kabur} (Contoh: “Saya ada hal”) kerap digunakan dalam bahasa Jepun, manakala {sebab konkrit} (Contoh: “Saya nak balik kampung”) kerap digunakan dalam bahasa yang lain, seperti bahasa Inggeris, bahasa Cina, bahasa Melayu dan bahasa Indonesia (Fujiwara, 2004; Liu & Xiao, 2008; Namagoma & Shimura, 1993; Radhiah, 2017). Liu dan Xiao (2008) menerangkan bahawa {sebab kabur} menyampaikan mesej yang sekunder seperti “Saya tidak ingin menjelaskan alasan” dan “Saya tidak ingin diganggu oleh pihak lain” selain menyampaikan mesej utama sebagai penolakan. Pernyataan {sebab kabur} biasanya terus diterima sebagai penolakan oleh pengajak JNS tanpa ajakan semula (Kuy, 2019). Namun, {sebab kabur} sukar difahami secara sepenuhnya dalam konteks antara budaya, dan kadang-kala mendorong ajakan semula yang tidak diingini (Liu & Xiao, 2008).

Leadkitlax (2013) pula membahagikan {sebab konkrit} kepada tiga faktor, iaitu faktor wajib, faktor persendirian dan faktor fizikal. Beliau menegaskan bahawa faktor persendirian paling berisiko tinggi untuk dinilai negatif oleh JNS berbanding dengan dua faktor lagi. Okamoto et al. (2003) menunjukkan bahawa tahap kesahihan {sebab konkrit} adalah berbeza-beza mengikut budaya masing-masing. Mereka memberi contoh seperti sebab ‘kesibukan kerja’ dalam bahasa Cina boleh dinilai negatif dengan ditafsirkan sebagai berlagak kehebatan diri.

Berkenaan {sebab} lagi, Fujimori (1995) mengatakan bahawa pelajar bahasa Jepun cenderung untuk menyatakan berbilang {sebab} berterusan, dan ia akan dinilai negatif oleh JNS kerana ia difahami sebagai kepentingan diri sendiri dengan memberi bermacam-macam alasan. Masden (2011) melaporkan bahawa {sebab kabur} yang digunakan oleh JNNS pula kadang kala dinilai negatif oleh JNS dengan ditafsirkan sebagai ditipu atau dijauhi.

Selain dari penggunaan {sebab}, JNS juga sering menyatakan {permohonan maaf} apabila mereka menolak ajakan (Bun, 2011; Fujimori, 1995; Fujiwara, 2004; Ito, 2002). Dua formula semantik {sebab} dan {permohonan maaf} ini merupakan elemen yang utama untuk penolakan. Kecenderungan yang sama didapati dalam bahasa Cina dan bahasa Melayu (Bun, 2011; Ito, 2002; Radhiah, 2017). Namun, kenyataan {permohonan maaf} tidak semestinya diperlukan dalam bahasa yang lain. Misalnya, penutur asli bahasa Thai kurang memohon maaf apabila mereka menolak ajakan kerana mereka kurang merasa bersalah untuk penolakan ajakan (Mekkreangkrai, 2013).

Selain dari itu, Li (2010) mengatakan bahawa JNS memulihkan hubungan manusia dengan menggabungkan pelbagai formula semantik selain {sebab} dan {permohonan maaf}, seperti {reaksi positif} dan {kesedihan}. Szatrowski (1993) menyenaraikan lima contoh strategi JNS yang menunjukkan simpati atau keprihatinan terhadap pengajak, iaitu {reaksi positif}, {kata seru positif}, {permintaan maklumat}, {pengekalan hubungan} dan {*co-talk*}.

Kekerapan penggunaan strategi sampingan tersebut juga berbeza mengikut budaya. Contohnya, JNS kerap menggunakan {reaksi positif}, manakala penutur asli bahasa Thai kerap menggunakan {pemberian maklumat} apabila ajakan ditolak (Mekkreangkrai, 2013). Formula semantik {penghargaan} pula lebih banyak digunakan oleh penutur asli bahasa Inggeris daripada JNS (Namagoma & Shimura, 1993).

Namagoma dan Shimura (1993) turut menghuraikan bahawa {pengekalan hubungan} ditemui dalam data JNS, tetapi ia tidak ditemui dalam data penutur asli bahasa Inggeris Amerika Syarikat. Berkenaan {pengekalan hubungan} lagi, Ito (2002) menganggap bahawa ia juga boleh menyebabkan salah faham di antara JNS dan MNS kerana ia digunakan secara ritual dalam bahasa Jepun tanpa pertimbangan jarak sosial, tetapi ia tidak digunakan kepada lawan tutur yang tidak rapat dalam bahasa Melayu.

PERMASALAHAN KAJIAN

Seperti ditunjukkan dalam kajian lepas, terdapat pelbagai perbezaan di antara JNS dan JNNS terhadap strategi penolakan ajakan. Namun begitu, norma JNNS yang digunakan dalam komunikasi antara budaya adalah tidak jelas, sama ada ia mengekalkan dengan norma bahasa ibunda mereka atau ia berubah untuk menyesuaikan diri dengan norma bahasa sasaran, atau membina norma baru yang agak sesuai dengan kedua-dua bahasa.

Selain itu, bagaimana norma JNNS dinilai oleh JNS juga kurang jelas dalam kajian lampau. Penilaian kesantunan yang diberi kepada norma JNNS mungkin tidak sama dengan penilaian kepada norma JNS sendiri.

Pada masa yang sama, cara untuk menentukan kesan kesantunan secara sistematik juga perlu dibangkitkan mengikut sesuatu teori atau model, bukan bergantung pada pandangan pengkaji semata-mata.

Sehubungan dengan permasalahan kajian lampau tersebut, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi penolakan ajakan yang digunakan oleh MNS dan JNS serta mengesahkan kesan kesantunan terhadap pemilihan norma MNS dalam konteks antara budaya.

Berdasarkan objektif kajian yang diutarakan tersebut, kajian ini akan mengenal pasti persamaan dan perbezaan terhadap strategi penolakan ajakan di antara MNS dengan JNS dari sudut kekerapan penggunaan formula semantik serta purata penggunaan formula semantik per kapita. Kajian ini juga akan menjelaskan bagaimana norma yang dipilih oleh MNS dalam konteks antara budaya dinilai oleh JNS berdasarkan TKW.


PENDEKATAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan Teori Kesantunan Wacana (TKW) yang dikemukakan oleh Usami (2006) untuk menentukan kesan kesantunan. TKW merupakan versi lanjutan Teori Kesantunan yang diperkenalkan oleh Brown dan Levinson (1987) dengan memperkenalkan pandangan dan pendekatan yang tersendiri. Terutamanya, TKW tidak hanya menumpukan pada sesuatu ujaran, tetapi juga meliputi analisis ke tahap wacana. TKW juga menimbangkan kesan kesantunan bukan sahaja dari sudut pandangan penutur tetapi juga bagaimana untuk diterima oleh pendengar.

TKW mewarisi konsep asas Teori Kesantunan. Konsep “kesantunan” dianggap sebagai tindakan yang memuaskan atau mengancam air muka. Konsep “air muka” pula dianggap sebagai keinginan sejagat yang dimiliki oleh semua manusia yang memainkan peranan sebagai entiti sosial. Air muka boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu air muka positif dan air muka negatif. Air muka positif merupakan keinginan ke arah yang positif,

seperti ingin difahami, ingin disukai, ingin dipuji dan ingin dimasukkan ke dalam kumpulan oleh pihak yang lain. Air muka negatif pula merujuk kepada keinginan ke arah yang negatif, seperti tidak ingin diganggu, tidak ingin dikekang dan sebagainya. Strategi yang digunakan untuk menjaga air muka positif tersebut diiktiraf sebagai strategi kesantunan positif, manakala strategi yang digunakan untuk menjaga air negatif dipanggil sebagai strategi kesantunan negatif.

Rajah 1 berikut menunjukkan model TKW yang merumuskan hubungan antara “julat perbezaan anggaran”, “kepatutan perlakuan” dan “kesan kesantunan”.



Julat perbezaan anggaran (Nilai De) : $De = Se - He$

Se: Anggaran “tahap pelanggaran air muka oleh penutur” dilihat dari penutur
Nilai berangka antara 0 dan 1 secara tentatif

He: Anggaran “tahap pelanggaran air muka oleh penutur” dilihat dari pendengar
Nilai berangka antara 0 dan 1 secara tentatif

α : Lebar pergeseran yang dibenarkan

RAJAH 1. Model Teori Kesantunan Wacana (Usami, 2006: 25)

Dalam model TKW di atas, kesan kesantunan ditentukan sebagai hasil tindakan bersama antara penutur dan pendengar. Sekiranya sesuatu nilai De (julat perbezaan anggaran) tidak bersesuaian dengan kedudukan “julat toleransi ($0 \pm \alpha$)”, maka sesuatu perlakuan diiktiraf sebagai perlakuan yang tidak patut dan memberi kesan negatif kepada pendengar. Sesuatu perlakuan yang sama boleh menghasilkan kesan kesantunan yang berlainan mengikut perbezaan anggaran interlocutor yang terlibat.

Untuk menguasai kecekapan pragmatik dalam komunikasi antara budaya, pendidikan bahasa kedua/asing memainkan peranan yang penting untuk membolehkan pelajar memilih perlakuan yang patut dari kombinasi ekspresi yang bersifat infiniti.

METODOLOGI

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Kajian ini mengumpulkan data melalui kaedah lakonan terbuka menerusi aplikasi SNS yang biasa digunakan oleh informan dari bulan Mac hingga Mei 2019. Kajian ini menggunakan kad arahan sebagai elisitasi seperti berikut. Kad arahan menunjukkan adegan yang biasa ditemui dalam kehidupan harian dalam masyarakat Melayu mahupun Jepun. Kad arahan ditulis dalam dwibahasa, iaitu bahasa Melayu dan bahasa Jepun.

A Pihak B adalah rakan anda.
Anda ingin mengajak pihak B untuk datang ke parti di rumah anda pada hari Ahad depan.
Anda hendaklah menghantar mesej kepada pihak B dengan SNS.

B Pihak A adalah rakan anda.
Anda diajak untuk datang ke parti di rumah pihak A.
Tetapi, anda mempunyai rancangan lain pada hari yang sama.
Anda hendaklah menjawab mesej daripada pihak A.

Kajian ini memilih informan sejumlah 20 orang MNS dan 20 orang JSN yang boleh dikawal oleh pengkaji. Semua informan terdiri daripada golongan perempuan dan berusia dari 25 hingga 30-an sahaja supaya dapat meminimumkan pengaruh dari jantina dan usia. Kajian ini menyasarkan informan yang tinggal di Malaysia sahaja supaya dapat menjadikan lakonan lebih realistik. Informan MNS dipilih daripada golongan bekas graduan kolej atau universiti Jepun yang ditaja oleh kerajaan Malaysia supaya dapat mengelakkan pengaruh dari kekurangan pengetahuan kosa kata dan tatabahasa. Untuk memudah pemahaman, informan MNS dikenal pasti dengan M1-M20, dan informan JNS pula ditandai dengan J1-J20 dalam artikel ini. Nombor yang sama (Contoh: M1 & J1) merujuk kepada pasangan yang sama dalam konteks antara budaya.

Mula-mula setiap informan diminta untuk berpasangan dalam konteks bahasa ibunda, dan memainkan setiap peranan untuk mengajak dan menolak ajakan. Kemudiannya, setiap informan diminta untuk berpasangan dalam konteks antara budaya, dan memainkan setiap peranan untuk mengajak dan menolak sekali lagi. Pasangan ditetapkan secara rawak oleh pengkaji dan diminta untuk berinteraksi seperti biasa.

Setelah lakonan dalam konteks antara budaya selesai, temu bual pasca lakonan dijalankan. Sesi temu bual disediakan dalam bentuk semi-struktur, dan tumpuan diberi kepada bahagian yang dirasakan tidak selesa atau tidak sopan untuk mengenal pasti kesan kesantunan. Semua langkah pengambilan data dari penghantaran kad arahan sehingga sesi temu bual dilaksanakan menerusi SNS dan direkodkan secara bertulis di atas talian.

Lakonan dalam konteks bahasa ibunda JNS serta konteks antara budaya dilakukan dalam bahasa Jepun menerusi aplikasi LINE yang paling popular di Jepun. Lakonan dalam konteks bahasa ibunda MNS sahaja dilakukan dalam bahasa Melayu dengan menggunakan aplikasi WhatsApp yang biasa digunakan oleh informan. Dua aplikasi tersebut mempunyai sedikit perbezaan (Contoh: LINE mempunyai lebih banyak koleksi *sticker*), namun fungsi penukaran mesej yang bertulis dalam bentuk gelembung ucapan adalah tetap sama. Oleh itu, data bahasa Melayu turut diguna pakai untuk perbandingan dalam kajian ini.

KAEDAH PENGANALISISAN DATA

Setelah data wacana dalam bentuk SNS dikumpulkan, data tersebut dibahagikan kepada lima, iaitu bahagian permulaan, bahagian ajakan, bahagian penolakan, bahagian ajakan semula dan bahagian penutup mengikut klasifikasi Nakagaki (2015).

Satu perkara khusus yang perlu diperhatikan semasa membahagikan wacana ke lima bahagian tersebut adalah bahagian-bahagian tersebut tidak semestinya mengikut urutan masa dalam bentuk SNS. Misalnya, dalam contoh berikut, mesej pertama M18 terdiri daripada bahagian permulaan dengan mengikut bahagian ajakan dan diikuti oleh bahagian penolakan.

Bahagian penolakan bermula dengan ujaran yang berkaitan dengan penolakan sehingga penolakan diterima oleh pengajak. Penerimaan penolakan direalisasikan dalam pelbagai bentuk seperti {penerimaan} (Contoh: “OK”), {kekecewaan} (Contoh: “Sayangnya”), {penjagaan hati} (Contoh: “Kalau macam tu, tak apa lah”) dan {cadangan} (Contoh: “Kalau Jumaat malam macam mana?”) (Yoshida, 2016). Selain itu, {pengekalan hubungan} juga secara tidak langsung menunjukkan bahawa pengajak telah menghentikan ajakan asal (Szatrowski, 1993). Dalam contoh di atas, ujaran M14 “Sayangnya tak dapat berjumpa XXX

Ahad depan” dalam bentuk {kekecewaan} secara tidak langsung menunjukkan bahawa pengajak sudah menerima penolakan oleh M18.

M14	Assalamualaikum XXX, sihat ke?	Bahagian permulaan
M14	Saya dan keluarga bercadang untuk adakan majlis kenduri doa selamat pada Ahad depan.	
M14	Majlis akan bermula pada pukul 11 pagi	Bahagian ajakan
M18	Waalaikumussalam XXX. Saya sihat alhamdulillah.	
M18	Saya minta maaf kerana saya terpaksa ke luar negara pada hari ahad depan. Jika tidak memang saya boleh menghadiri majlis tersebut.	Bahagian permulaan
M14	Oh ye ke	
M14	XXX nak ke mana ahad depan? urusan kerja atau bercuti?	Bahagian penolakan
M18	Saya perlu ke XXX, atas urusan kerja.	
M14	Oh begitu	
M14	Sayangnya tak dapat berjumpa XXX Ahad depan	Bahagian penutup
M14	Semoga XXX selamat pergi dan selamat balik ye!	
M18	(Berikutan disingkatkan)	

Catatan: XXX menunjukkan nama khas

Setelah data wacana dibahagikan kepada lima bahagian struktur tersebut, setiap ujaran yang merupakan strategi penolakan ditandakan dengan formula semantik. Jadual 1 menunjukkan senarai formula semantik terhadap penolakan ajakan yang ditemui dalam data kajian ini. Senarai formula semantik telah diubahsuai dan ditambah mengikut data dalam kajian ini dengan merujuk Ito (2002), Mekkreangkrai (2013) dan Namagoma & Shimura (1993). Contoh-contoh yang disenaraikan dalam Jadual 1 merupakan ekspresi yang ringkas dari data yang diperolehi. Ujaran dalam bahasa Jepun telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu, dan ditunjukkan dengan huruf miring dalam artikel ini.

Untuk mengenal pasti penentuan formula semantik, mula-mula penulis melakukan penandaan bagi semua data secara berasingan. Kemudiannya seorang penutur asli bagi setiap bahasa diminta untuk melakukan penandaan kali kedua bagi semua data. Akhirnya, kebolehpercayaan dapat diperolehi $\kappa=.903 (>.70)$ bagi data bahasa Melayu dan diperolehi $\kappa=.887 (>.70)$ bagi data bahasa Jepun dengan Cohen's Kappa. Sekiranya penandaan di antara dua orang penanda tidak sama, penandaan akhir diputuskan melalui perbincangan antara mereka.

Dalam contoh wacana di atas, terdapat empat formula semantik yang digunakan oleh M18, iaitu {permohonan maaf} (Saya minta maaf), {sebab konkrit} (kerana saya terpaksa ke luar negara pada hari ahad depan), {syarat} (Jika tidak memang saya boleh menghadiri majlis tersebut) dan {sebab tambahan} (Saya perlu ke XXX, atas urusan kerja).

Penggunaan emotikon dan *sticker* yang tidak mengandungi informasi secara bertulis tidak diambil kira sebagai formula semantik dalam kajian ini. Selain itu, ekspresi seperti “Ahad ka... jap check kalendar” yang dikategorikan sebagai respons dalam bahagian ajakan juga diambil kira sebagai sebahagian strategi penolakan dalam kajian ini kerana ia berfungsi sebagai pemberian jurang sebelum penolakan (Szatrowski, 1993).

Dalam artikel ini, formula semantik yang digunakan oleh kurang dari 10% informan bagi semua kategori dikumpulkan sebagai {lain-lain}. Formula semantik {permintaan kepastian}, {pemberian kepastian}, {aksi pengesahan}, {penjagaan hati}, {syarat}, {pujian}, {nasib malang}, {pemberian maklumat}, {cadangan} dan {topik lain} dikategorikan dalam {lain-lain} dalam kajian ini.

JADUAL 1. Senarai formula semantik

	Formula semantik	Fungsi semantik	Contoh
1	{panggilan}	Menyebut nama/kata panggilan	XXX/Awak/Beb
2	{pertanyaan tujuan}	Memastikan tujuan utama	Kenapa?/Ada apa?
3	{ulangan}	Mengulang sebahagian ayat	Hari jadi XXX ye/Ahad depan ke?!
4	{kata seru negatif}	Menyebut kata seru yang negatif	Alaa.../Alamak/Mmm...
5	{kata seru positif}	Menyebut kata seru yang positif	Wow/Wah
6	{permohonan maaf}	Menunjukkan permohonan maaf	Minta maaf/Sorry
7	{sebab konkrit}	Menyatakan sebab yang konkrit	Saya nak balik kampung
8	{sebab kabur}	Menyatakan sebab yang kabur	Saya ada hal/ Ada rancangan lain
9	{sebab tambahan}	Menambahkan sebab	Ada kenduri dekat rumah saudara
10	{keputusan}	Menyatakan keputusan	Tak boleh//Tak free/Susah
11	{penangguhan}	Menyatakan penangguhan	Kalau sempat saya datang
12	{penghargaan}	Menunjukkan penghargaan	Terima kasih
13	{khuatir}	Menunjukkan perasaan khuatir	<i>Walhal sudah diajak</i>
14	{reaksi positif}	Menunjukkan reaksi yang positif	Nak pergi/Bestnya/Mesti seronok
15	{kesedihan}	Menunjukkan perasaan sedih	<i>Saya sedih/kecewa</i>
16	{permintaan maklumat}	Meminta maklumat ajakan	Untuk apa?/Hari jadi sapa?
17	{kefahaman}	Menunjukkan kefahaman	Ye ke/Oh begitu
18	{empati}	Menunjukkan perasaan empati	Kan.../Saya pun/Tu la...
19	{keterujaan}	Menunjukkan perasaan teruja	Ini betul-betul menggugat
20	{ketawa}	Menunjukkan ketawa	Hahaha/Hehe/Huhu
21	{ucapan}	Menyatakan ucapan	Congrats!//Selamat hari jadi!
22	{gantian}	Menyatakan sesuatu gantian	Saya bagi hadiah kemudian
23	{pengekalan hubungan}	Mengekalkan hubungan	Lain kali kita jumpa/Nanti kita pelan
24	{lain-lain}	Tidak dinyatakan di atas	Ya, betul/Jap check kalendar

Setelah setiap ujaran ditandakan dengan formula semantik, kekerapan bagi setiap formula semantik dihitung mengikut kumpulan MNS/JNS masing-masing. Kajian ini mengira jumlah perbezaan, bukannya jumlah keseluruhan kerana kajian ini mementingkan pandangan “apa yang perlu/tidak perlu dikatakan”. Dalam erti kata lain, kajian ini menghitung berapa ramai informan menggunakan setiap jenis formula semantik.

Seterusnya, kajian ini menjalankan ujian Fisher (*Fisher's exact test*) untuk menguji sama ada wujud atau tidak perbezaan yang signifikan antara dua kumpulan MNS/JNS yang dibandingkan. Aras signifikan dua hujung yang digunakan dalam kajian ini ialah 0.05. Perbandingan antara MNS dan JNS dilakukan bagi konteks bahasa ibunda mahupun konteks antara budaya. Apabila kekerapan penggunaan formula semantik MNS dalam konteks antara budaya adalah serupa dengan MNS dalam konteks bahasa ibunda dan berbeza daripada JNS, ia dianggap sebagai pemindahan pragmatik dari bahasa ibunda.

Di samping itu, purata penggunaan formula semantik per kapita juga dikira dalam setiap kumpulan bagi konteks bahasa ibunda dan konteks antara budaya. Perbezaan di antara MNS dan JNS turut diuji dengan menggunakan ujian-*t* Welch.

Selain dari itu, kajian ini juga mengesahkan kesan kesantunan terhadap strategi penolakan berdasarkan TKW. Kesan negatif boleh disahkan dengan melihat perasaan pelik atau perasaan tidak selesa yang timbul pada penerima mesej. Sekiranya sesuatu ujaran dirasai kurang sopan oleh penerima mesej, ujaran tersebut dianggap sebagai “perlakuan kurang”, manakala sesuatu ujaran yang dirasai terlebih sopan dianggap sebagai “perlakuan terlebih”. Namun, kedua-duanya menghasilkan kesan negatif kepada penerima mesej dalam model TKW seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.

HASIL KAJIAN

PERBANDINGAN KEKERAPAN PENGGUNAAN FORMULA SEMANTIK

Jadual 2 menunjukkan hasil perbandingan dari sudut kekerapan penggunaan formula semantik sebagai strategi penolakan ajakan di antara MNS dan JNS. Bilangan informan adalah 20 bagi setiap kumpulan, dan Nilai-*p* merupakan hasil ujian Fisher.

JADUAL 2. Perbandingan kekerapan penggunaan formula semantik antara MNS dan JNS

	Formula semantik	Konteks bahasa ibunda			Konteks antara budaya		
		Kekerapan MNS (n=20)	Kekerapan JNS (n=20)	Nilai- <i>p</i>	Kekerapan MNS (n=20)	Kekerapan JNS (n=20)	Nilai- <i>p</i>
1	{panggilan}	9	2	0.031*	1	1	1.000
2	{pertanyaan tujuan}	3	1	0.605	2	4	0.661
3	{ulangan}	10	7	0.523	7	9	0.746
4	{kata seru negatif}	13	0	0.000**	4	3	1.000
5	{kata seru positif}	8	0	0.003**	6	4	0.716
6	{permohonan maaf}	12	9	0.527	11	12	1.000
7	{sebab konkrit}	16	7	0.010**	11	8	0.527
8	{sebab kabur}	4	11	0.048*	7	11	0.341
9	{sebab tambahan}	14	4	0.004**	5	2	0.408
10	{keputusan}	9	9	1.000	7	7	1.000
11	{penangguhan}	4	1	0.342	1	2	1.000
12	{penghargaan}	4	4	1.000	1	3	0.605
13	{khuatir}	0	3	0.231	1	3	0.605
14	{reaksi positif}	5	18	0.000**	16	15	1.000
15	{kesedihan}	1	7	0.044*	4	6	0.495
16	{permintaan maklumat}	12	3	0.008**	3	5	0.695
17	{kefahaman}	7	3	0.273	1	4	0.342
18	{empati}	4	0	0.106	1	2	1.000
19	{keterujaan}	6	1	0.092	0	1	1.000
20	{ketawa}	8	2	0.065	0	1	1.000
21	{ucapan}	1	0	1.000	1	8	0.020*
22	{gantian}	2	0	0.487	0	7	0.008**
23	{pengekalan hubungan}	3	4	1.000	2	2	1.000
24	{lain-lain}	12	6	0.111	4	3	1.000

* $p < .05$, ** $p < .01$

Terdapat sembilan jenis formula semantik yang menunjukkan perbezaan signifikan antara MNS dan JNS dalam konteks bahasa ibunda. Antaranya, sebanyak enam jenis formula semantik, iaitu {panggilan}, {kata seru negatif}, {kata seru positif}, {sebab konkrit}, {sebab tambahan} dan {permintaan maklumat} lebih kerap digunakan oleh MNS daripada JNS, manakala sebanyak tiga jenis formula semantik, iaitu {sebab kabur}, {reaksi positif} dan {kesedihan} lebih kerap digunakan oleh JNS daripada MNS.

Bagi konteks antara budaya pula, hanya dua jenis formula semantik, iaitu {ucapan} dan {gantian} menunjukkan perbezaan yang signifikan di antara MNS dan JNS. Kedua-dua formula semantik tersebut lebih kerap digunakan oleh JNS daripada MNS.

Penggunaan dua jenis formula semantik tersebut boleh dikaitkan rapat dengan kandungan ajakan yang ditetapkan oleh informan MNS. Dalam konteks antara budaya, sebanyak 55% (11 orang) MNS mengajak JNS untuk menyertai parti hari jadi, 30% (6 orang) MNS untuk makan-makan dan 15% (3 orang) MNS untuk berpindah ke rumah baru, tetapi tiada informan JNS yang mengajak MNS untuk menyambut hari jadi. Sebanyak 90% (18 orang) JNS mengajak MNS untuk makan-makan bersama keluarga dan rakan rapat, dan

hanya 10% (2 orang) JNS untuk berpindah ke rumah baru. Begitu juga dalam konteks bahasa ibunda. Dalam konteks bahasa ibunda, sebanyak 55% (11 orang) MNS mengajak MNS untuk menyertai parti hari jadi, 20% (4 orang) MNS untuk makan-makan, 15% (3 orang) MNS untuk acara beragama Islam (Aqiqah dan Doa selamat), dan 10% (2 orang) MNS untuk berpindah ke rumah baru. Sementara itu, sebanyak 90% (18 orang) JNS mengajak JNS untuk makan-makan dan 10% (2 orang) JNS untuk berpindah ke rumah baru. Oleh yang demikian, penolakan terhadap penyertaan parti hari jadi yang dijemput oleh MNS menyebabkan JNS kerap menggunakan {ucapan} dan {gantian} dalam konteks antara budaya.

Perbezaan berkenaan penggunaan {ucapan} dapat dilihat di antara MNS dan JNS. JNS kerap mengucapkan “Selamat hari jadi” apabila JNS diberitahu bahawa parti hari jadi ahli keluarga MNS akan diadakan. Tetapi, tiada informan MNS yang menyatakan “Selamat hari jadi” kepada ahli keluarga dalam konteks bahasa ibunda, dan hanya seorang MNS mengucapkan tahniah untuk kes berpindah ke rumah baru.

Begitu juga bagi penggunaan {gantian}. Perbezaan {gantian} di antara MNS dan JNS berkait rapat dengan struktur wacana. MNS juga kerap menyatakan {gantian}, namun 30% (6 orang) daripada mereka menyatakannya dalam bahagian penutup untuk menjaga perasaan pengajak yang telah menerima penolakan. Sebaliknya, JNS kerap menyatakan {gantian} dalam bahagian penolakan sebelum pengajak menerima penolakan.

Apabila formula semantik yang lain diberi perhatian, perbezaan yang signifikan dalam konteks bahasa ibunda telah hilang dalam konteks antara budaya. Hal ini kerana MNS telah memilih norma dalam bahasa sasaran. Secara lebih konkrit, MNS mengurangkan penggunaan {panggilan}, {kata seru negatif}, {kata seru positif}, {sebab konkrit}, {sebab tambahan} dan {permintaan maklumat} yang lebih kerap digunakan daripada JNS dalam konteks bahasa ibunda. Pada masa yang sama, MNS membanyakkan penggunaan {sebab kabur}, {reaksi positif} dan {kesedihan} yang kerap digunakan oleh JNS.

PERBANDINGAN PURATA PENGGUNAAN FORMULA SEMANTIK PER KAPITA

Jadual 3 menunjukkan keputusan Ujian-*t* antara MNS dan JNS untuk membandingkan purata penggunaan formula semantik per kapita terhadap penolakan ajakan.

JADUAL 3. Perbandingan purata penggunaan formula semantik per kapita

	Konteks bahasa ibunda			Konteks antara budaya		
	MNS	JNS	Nilai- <i>t</i>	MNS	JNS	Nilai- <i>t</i>
Purata penggunaan formula semantik per kapita (SD)	8.35 (3.17)	5.10 (2.05)	3.46**	4.80 (1.60)	6.15 (2.41)	1.68

** $p < .01$

Ujian-*t* tersebut mendedahkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara dua kumpulan dalam konteks bahasa ibunda. MNS jauh lebih banyak menggunakan formula semantik daripada JNS secara signifikan ($t(38)=3.46$, $p=.001$) dalam konteks bahasa ibunda. MNS menggunakan lebih dari lapan jenis formula semantik, manakala JNS menggunakan lebih dari lima jenis formula semantik secara purata. Apabila data dalam Jadual 2 dirujuk, MNS secara meluas menggunakan {panggilan}, {ulangan}, {kata seru negatif}, {kata seru positif}, {permohonan maaf}, {sebab konkrit}, {sebab tambahan}, {keputusan} dan {permintaan maklumat} dengan kerap. JNS pula kerap menggunakan {permohonan maaf}, {sebab kabur}, {keputusan} dan {reaksi positif}.

Dalam konteks bahasa antara pula, tiada perbezaan yang signifikan di antara MNS dengan JNS ($t(38)=1.68, p=.050$). MNS secara ketara mengurangkan penggunaan formula semantik apabila mereka berinteraksi dengan JNS. Berdasarkan Jadual 2, yang paling banyak digunakan oleh kedua-dua bangsa ialah {reaksi positif}, dan diikuti oleh {permohonan maaf}. Kedua-dua {sebab konkrit} dan {sebab kabur} dapat ditemui secara kerap dalam konteks antara budaya. Selain itu, {ulangan} dan {keputusan} juga kerap digunakan oleh kedua-dua bangsa. Hasil ini boleh disimpulkan bahawa kedua-dua MNS dan JNS lebih cenderung untuk mengikut norma bahasa Jepun yang dituturkan.

KESAN KESANTUNAN DALAM KONTEKS ANTARA BUDAYA

Bahagian ini memberi perhatian kepada kesan kesantunan khususnya dalam konteks antara budaya berdasarkan data kualitatif yang dikumpul melalui sesi temu bual. Secara keseluruhannya, hanya satu kes menonjolkan kesan kesantunan yang negatif, dan kes-kes yang lain menghasilkan kesan kesantunan yang positif/netral.

Informan J4 mengatakan bahawa beliau berasa pelik apabila beliau menerima ucapan “Selamat hari jadi” daripada M4 walaupun J4 tidak menyatakan parti itu untuk menyambut hari jadi siapa-siapa. Salah faham ini berlaku disebabkan M4 mengaitkan parti dengan sambutan hari jadi mengikut budaya bahasa ibunda sendiri. Namun, J4 tidak menegur salah faham M4 dalam interaksi mereka dan meneruskan penukaran mesej secara berharmoni. Secara lebih konkrit, selepas M4 menyatakan {ucapan} dan {reaksi positif} terhadap ajakan, J4 memberi respons {penghargaan} “*Arigatoo* (Terima kasih)”. Kemudiannya J4 turut memberi maklumat tentang masa parti tersebut.

Selain kes salah faham tersebut, tiada komen yang negatif seperti perasaan tidak selesa atau tidak sopan pada JNS. Terdapat komen-komen JNS yang bersifat positif/netral terhadap strategi penolakan yang diambil oleh MNS. Antaranya ialah “Saya tidak merasakan perbezaan yang ketara” (J11), “Cara komunikasi tidak dirasai berlainan dengan cara antara penutur asli” (J16), “Saya tidak merasakan jurang dengan komunikasi seharian saya” (J18), “Saya rasa dia pandai bahasa Jepun. Saya merasa seperti saya berinteraksi dengan orang Jepun” (J19), dan “Saya rasa cara interaksi sama dengan kawan Jepun saya” (J20).

Terdapat juga komen-komen mengenai usaha oleh MNS yang cuba menyesuaikan diri dengan norma bahasa sasaran. Antaranya ialah “Saya sedikit sebanyak menyesuaikan diri dengan JNS” (M2), “Saya cuba meningkatkan pertukaran mesej dengan orang Jepun” (M6), “Saya akan bercakap tentang topik yang lain, jika berkomunikasi dengan MNS” (M7), “Saya cuba untuk tidak tanya secara terperinci tentang sebab penolakan” (M8), “Saya pendekkan dan ringkaskan penukaran mesej dengan JNS” (M13) dan “Saya lebih memendekkan penukaran mesej berbanding dengan MNS” (M20). Namun, terdapat juga komen mengenai kerisauan seperti “Saya agak bimbang sebab saya rasa terlalu langsung kepada topik utama sahaja” (M20) disebabkan kekurangan keyakinan dengan kesan kesantunan yang dihasilkan walaupun pasangan beliau J20 memberi komen yang positif terhadap perlakuan beliau.

Kajian ini tidak mendapati apa-apa komen berkenaan konflik jati diri pada MNS. MNS telah menunjukkan sikap akomodatif yang fleksibel untuk kejayaan komunikasi yang lancar. Terdapat komen-komen yang bersifat neutral seperti “Saya tidak berasa tidak selesa untuk mengikut norma JNS” (M2), “Saya tidak merasa apa-apa” (M6), “Saya tak rasa apa-apa” (M11) dan “Tiada benda yang menyekat” (M17).

Perkara yang tidak diperhatikan dan tidak diberikan apa-apa komen oleh JNS dianggap telah menghasilkan kesan kesantunan yang neutral. Formula semantik yang kerap digunakan oleh MNS tetapi tidak kerap digunakan oleh JNS dalam konteks bahasa ibunda seperti {panggilan}, {kata seru negatif}, {kata seru positif}, {sebab konkrit}, {sebab

tambahan} dan {permintaan maklumat} juga masih dapat diterima oleh JNS walaupun ia tidak menunjukkan perlakuan yang tipikal. Formula semantik {keputusan} juga dapat diterima sebagai perlakuan yang patut kerana ia digunakan bersama dengan pelbagai formula semantik yang lain. Tiada komen juga mengenai susunan formula semantik dalam kajian ini. Hal ini bermaksud susunan formula semantik tidak banyak mempengaruhi penilaian kesantunan dalam kajian ini.

PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati bahawa lebih daripada 90% bagi setiap kumpulan menyatakan sesuatu {sebab} dalam konteks bahasa ibunda mahupun konteks antara budaya. Hal ini memastikan bahawa kenyataan {sebab} memainkan peranan yang paling penting dalam penyampaian niat penolakan dalam bahasa Melayu mahupun bahasa Jepun.

Walaupun begitu, dalam konteks bahasa ibunda, MNS lebih cenderung untuk mementingkan kesantunan positif dengan cuba mendekati diri dengan lawan tutur secara aktif. MNS kerap menggunakan strategi kesantunan positif seperti {panggilan}, {kata seru positif}, {sebab konkrit}, {sebab tambahan} dan {permintaan maklumat}. Dapatan ini selaras dengan Hieda (2016) yang membincangkan kecenderungan MNS, seperti MNS menjarangkan hubungan yang akrab dengan berkongsi pelbagai maklumat individu antara interlocutor. Penjelasan sebab yang terperinci dengan {sebab konkrit} dan {sebab tambahan} juga dapat disokong oleh Normah et al. (2012) yang menekankan MNS lebih bersikap rasional apabila permohonan maaf diperlukan.

Sebaliknya, dalam konteks bahasa ibunda, JNS lebih mementingkan kesantunan negatif dengan cuba menjauhi diri daripada lawan tutur. JNS kerap menggunakan {sebab kabur} dan tidak menyatakan lebih daripada keperluan yang minimum. Namun, JNS kerap menggunakan {reaksi positif} bersama {sebab kabur} supaya dapat dielakkan salah faham seperti ajakan tidak diingini atau tidak diminati.

Menurut Sztatowski (1993), tujuan utama pengajak adalah untuk mengajak seseorang menyertai sesuatu perkara, dan tujuan utama bagi orang yang diajak adalah untuk memberi jawapan sama ada penerimaan atau penolakan. Pada masa yang sama, pengekalan hubungan manusia yang baik melalui perbualan adalah matlamat bersama kedua-dua pihak. Jika konsep tersebut dipertimbangkan, boleh dikatakan bahawa MNS lebih cenderung untuk memberatkan interaksi yang mesra sambil tidak bertujuan hanya untuk mencapai tujuan utama, dengan menggunakan lebih banyak jenis formula semantik. JNS pula boleh dikatakan bahawa mereka lebih cenderung untuk mencapai tujuan utama melalui interaksi yang lebih pendek dan ringkas.

Penggunaan formula semantik yang lebih banyak pada MNS daripada JNS dalam konteks bahasa ibunda juga boleh diterangkan dengan faktor sistem bahasa kehormatan (*honorifics*). Bun (2001) memincangkan bahawa bahasa yang tidak mempunyai sistem bahasa kehormatan mempelbagaikan formula semantik untuk mengekspresikan persahabatan. Hal ini ditentang dengan bahasa Jepun yang hanya memilih kosa kata atau tatabahasa yang sesuai daripada penambahan formula semantik.

Oleh yang demikian, pandangan Norma et al. (2018) tidak dapat disokong oleh dapatan kajian ini kerana mereka mengaitkan pernyataan yang lebih panjang dalam bahasa Melayu daripada bahasa Inggeris dengan pola budaya konteks tinggi dalam bahasa Melayu. Mereka cuba menghuraikan bahawa penolakan dalam bahasa Melayu menjadi lebih panjang disebabkan pernyataan yang tidak langsung yang bersifat budaya konteks tinggi. Namun, pandangan mereka tidak dapat menjelaskan penolakan yang lebih pendek dalam bahasa Jepun daripada bahasa Melayu, di mana kedua-duanya dikategorikan sebagai budaya konteks

tinggi. Pernyataan yang ringkas dalam bahasa Jepun dapat diterangkan di atas kecenderungan kesantunan negatif yang dipilih oleh JNS serta sistem bahasa kesopanan yang disusun secara sistematik dalam bahasa Jepun.

Bagi konteks antara budaya, MNS berubah untuk lebih memberatkan kesantunan negatif dengan menambahkan kekerapan untuk {sebab kabur} dan {reaksi positif} mengikut norma bahasa sasaran serta bermatlamat untuk mencapai tujuan utama penolakan dengan menjadikan interaksi mereka lebih pendek dan ringkas. Pemilihan norma bahasa sasaran ini merupakan kemunculan “penutur bahasa Jepun sebagai bahasa kedua yang proaktif dengan memanfaatkan sepenuhnya pengetahuannya dan kefahaman mengenai bahasa dan budaya Jepun” (Fujiwara, 2004). Kedua-dua informan MNS dan JNS lebih cenderung untuk memilih norma dalam bahasa yang dituturkan walaupun mereka tinggal di Malaysia semasa kajian.

Dari sudut kesan kesantunan, JNS menerima pemilihan norma MNS secara positif, maka perlakuan MNS turut menghasilkan kesan positif/neutral dalam komunikasi antara budaya. Dalam erti kata lain, MNS telah berjaya untuk menganggarkan nilai De (julat perbezaan anggaran) yang bersesuaian dengan kedudukan “julat toleransi ($0 \pm \alpha$)”.

Berkenaan tiada konflik jati diri MNS, sikap pelajar bahasa Jepun di Malaysia mungkin secara tidak langsung boleh mempengaruhi pemilihan norma mereka. Pelajar bahasa Jepun di Malaysia secara umumnya bersikap positif terhadap negara dan rakyat Jepun, dan mereka juga berorientasi integratif terhadap pemerolehan bahasa Jepun (Hieda & Maserah, 2014). Penerimaan secara positif oleh JNS terhadap pemilihan norma MNS dalam komunikasi antara budaya juga berkesan untuk meningkatkan keyakinan dan kebanggaan MNS.

Dari segi perkembangan TKW, kajian ini mendapati bahawa “julat toleransi ($0 \pm \alpha$)” dalam konteks antara budaya agar ditetapkan secara meluas oleh penerima mesej supaya dapat mengelakkan konflik antara dua budaya yang berlainan. Hal ini menunjukkan bahawa perlakuan yang berlainan daripada perlakuan yang biasa dalam bahasa ibunda tidak semestinya menghasilkan kesan kesantunan yang negatif, sebaliknya, masih dapat diterima sebagai perlakuan yang patut walaupun ia tidak menunjukkan perlakuan yang tipikal.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa imej “parti di rumah” yang berlainan di antara MNS dan JNS mempengaruhi penggunaan formula semantik yang berlainan serta boleh mengakibatkan kesalahfahaman. MNS lebih berorientasi untuk menyambut sesuatu beramai-ramai dalam bentuk parti di rumah, manakala JNS lebih menggemari untuk bersantai bersama dengan rakan yang rapat di rumah. Untuk mengisi jurang imej “parti di rumah” antara MNS dan JNS tersebut, penjelasan parti perlu diberikan oleh pengajak terlebih dahulu apabila mereka mengajak seseorang dalam konteks antara budaya.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menjalankan satu kajian pragmatik untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan strategi penolakan ajakan antara MNS dan JNS, serta menjelaskan kesan kesantunan yang dihasilkan oleh MNS dalam konteks antara budaya. Kajian ini mendapati bahawa MNS lebih mementingkan kesantunan positif, manakala JNS lebih mementingkan kesantunan negatif dalam konteks bahasa ibunda. Namun, MNS lebih cenderung untuk memberatkan kesantunan negatif dalam interaksi dengan JNS mengikut norma dalam bahasa sasaran. Pemilihan norma tersebut diterima oleh JNS sebagai perlakuan yang patut, dan turut menghasilkan kesan kesantunan yang positif/neutral.

Secara rumusnya, norma penutur asli tidak semestinya menjadi pilihan yang optimum dalam komunikasi antara budaya, tetapi kajian ini menunjukkan bahawa MNS secara proaktif memilih norma bahasa sasaran, dan pemilihan tersebut telah menjayakan

komunikasi antara budaya yang lancar. Kajian ini telah membuktikan daya keterbukaan dalam masyarakat Melayu semasa berinteraksi dalam suasana silang budaya. Hal ini sesuai dengan budaya Melayu yang bersifat akomodatif. Dapatan kajian ini boleh menjadi satu rujukan, terutamanya untuk tapak pendidikan yang mempertimbangkan kecekapan pragmatik dalam bahasa kedua/asing.

Sebagai cadangan kajian seterusnya, kajian yang menganalisis strategi penolakan terhadap adegan ajakan yang lain penting dijalankan kerana strategi yang diguna pakai adalah berbeza-beza bergantung pada adegan ajakan masing-masing. Di samping itu, bahagian struktur wacana selain bahagian penolakan, iaitu bahagian permulaan, bahagian ajakan, bahagian ajakan semula dan bahagian penutup juga perlu dikaji untuk mengenal pasti perbezaan antara dua bahasa yang berlainan serta mengesahkan kesan kesantunan terhadap strategi yang dipilih oleh penutur. Akhir sekali, model TKW boleh diterapkan kepada bahasa kedua/asing yang lain di Malaysia untuk memperkembangkan kefahaman penggunaan bahasa satu sama lain.

RUJUKAN

- Brown, P. & Levinson, S. C. (1987). *Politeness: Some Universals in Language Usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Bun, S. (2011). Chuunichi ryokoku no daigakusei ni okeru kotowarihyougen no taishou kenkyuu: 'Saso' ni taisuru kotowari bamen o chuushin toshite (Kajian kontrastif terhadap ekspresi penolakan di kalangan pelajar universiti di China dan Jepun: Memfokuskan situasi penolakan terhadap 'ajakan'). *Higashi Asia Nihongo Kyouiku Nihon Bunka Kenkyuu*. 14, 111-128.
- Date, K. (2006). An analysis of Japanese language learners' communication strategies: The use of indirect expressions of refusal. Unpublished Ph.D thesis, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Embassy of Japan in Malaysia (2020). The Malaysian Look East Policy. Retrieved April 17, 2020 from <https://www.my.emb-japan.go.jp/English/JIS/education/LEP.htm>
- Fujimori, H. (1995). Nihongogakushuusha ni mirareru 'benmei' imikousiki no keishiki to shiyou: Chuugokujin kankokujin gakushuusha no baai (Bentuk dan penggunaan formula semantik 'alasan' oleh pelajar bahasa Jepun: Kes pelajar berbangsa Cina dan Korea). *Journal of Japanese Language Teaching*. 87, 79-90.
- Fujiwata, C. (2004). Nihongowasha to Indoneshiagowasha no 'kotowari' ni kansuru kenkyu (Kajian mengenai 'penolakan' antara penutur asli bahasa Jepun dan Indonesia). Unpublished Ph.D thesis, Osaka University, Osaka, Japan.
- Hiba Qusay Abdul Sattar & Maryam Farnia (2014). Iraqis' and Malays' refusal to invitations. *Global Journal of Foreign Language Teaching*. 4(1), 1-19.
- Hieda, N. (2016). Linguistic behavior of invitations in Japanese and Malay: Based on the framework of Discourse Politeness Theory. *Studies in Japanese Language and Japanese Language Teaching*. 7, 181-196.
- Hieda, N. & Maserah Shabudin (2014). Attitudes towards Japanese language among Malaysian students. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 14(1), 135-150.
- Ito, E. (2002). Mareegobogowasha no chuukangengo ni mirareru goyouronteki tokuchou (Ciri-ciri pragmatik yang terdapat dalam bahasa antara oleh penutur asli bahasa

- Melayu: Kesejagatan dan keistimewaan dalam ekspresi penolakan). *Kotoba no Kagaku*. 15, 179-197.
- Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kanokwan, L. (1995). Nihongo ni okeru kotowari: Nihongo kyokasho to jissai no kaiwa tonon hikaku ('Penolakan' dalam bahasa Jepun: Perbandingan antara buku teks bahasa Jepun dan perbualan sebenar). *Journal of Japanese Language Teaching*. 87, 25-39.
- Kasper, G. & Schmidt, R. (1996). Developmental issues in interlanguage pragmatics. *Studies in Second Language Acquisition*. 18, 149-169.
- Kuy, S. (2019). A comparative study of Japanese and Khmer invitation conversations: Focusing on the structure of rejected conversations. *Studies in Japanese language and culture*. 29, 268-279.
- Leadkitlax, T. (2013). Thaijin to nihonjin no sasoi to irai eno kotowarikouji no ishiki ni tsuite (Persepsi di antara orang Thailand dengan orang Jepun berkenaan lakukan penolakan terhadap ajakan dan permintaan). *Japanese Language Education Bulletin of The Japan Foundation, Bangkok*. 10, 97-106.
- Li, K. (2010). A study on verbal behaviors regarding invitation and refusal: Analysis of cell-phone email messages exchanged among Japanese native speakers. *Taigu-communication*. 7, 113-128.
- Liu, J. (1984). A Comparative study of Chinese and Japanese verbal behaviors of invitation and response. *Machikaneyama Ronso*. 18, 17-38.
- Liu, J. & Xiao, Z. (2008). The communication influence of the speech act of refusal. *Memoirs of the Fukui Institute of Technology*. 38, 127-132.
- Masden, M. (2011). Nihonjin gakusei ga shitsureida to kanjiru ryuugakusei no sasoi/kotowari no hyougen ni kansuru yobi chousa (Tinjauan awal mengenai ekspresi ajakan dan penolakan oleh pelajar antarabangsa yang dirasakan kurang ajar bagi pelajar Jepun), *Bulletin of Center for Globalization*. 2, 51-73.
- Mekkreangkrai, P. (2013). The differences in expressions of refusals between Japanese and Thai learners of Japanese: Focusing on the structure of refusals when using mobile e-mail. *Japanese Language Education*. 45, 11-19.
- Nakagaki, T. (2015). A contrastive study of invitation in Japanese and Swahili: In the case of refusing the invitation to dinner. *Journal of Swahili and African studies*. 26, 20-39.
- Namagoma, T. & Shimura, A. (1993). Eigo kara nihongo eno puragumatikku toransufa: 'kotowari' toiu hatsuwakouji ni tsuite (Pemindahan pragmatik dari Bahasa Inggeris ke Bahasa Jepun: Lakukan bahasa 'penolakan'). *Journal of Japanese Language Teaching*. 79, 41-52.
- Norma Saad, Siti Jamilah Bidin & Ahmad Affendi Shabdin (2018). Refusal strategies of Malay speakers of English and native speakers of English. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*. 3(6), 103-116.
- Normah Ahmad, Nor Hashimah Jalaluddin & Mohammad Fadzeli Jaafar (2012). Strategi penjelasan dalam permohonan maaf bahasa Melayu dan Jepun: Satu perbandingan antara budaya. *Jurnal Linguistik*. 15, 1-13.
- Okamoto, S., Toskar, S., Suzuki, A. & Yang, X. (2003). Language and cultural awareness in regard to invitations and refusals: Comparisons of Japanese, English, Chinese and

- Russian politeness strategies and how they impact foreign/second language learners. *Journal of Hokkaido Bunkyo University*. 4, 189-202.
- Radhiah Ismail (2017). The difference of speech act of refusal strategies between the Malays and Spanish: Cross-cultural studies. *The Social Sciences*. 12(8), 1334-1343.
- Szatrowski, P. E. (1993). *Nihongo no Danwa no Kozo Bunseki: Kanyu no Sutorateji no Kousatsu* (Analisis struktur wacana Jepun: Pertimbangan strategi ajakan). Tokyo: Kurosio Publishers.
- The Japan Foundation (2020). *Survey Report on Japanese-Language Education Abroad 2018*. Tokyo: The Japan Foundation.
- Usami, M. (2006). Discourse politeness theory and cross-cultural pragmatics. *Readings in Second Language Pedagogy and Second Language Acquisition. In Japanese Context*. 19-41.
- Yoshida, Y. (2016). A study of refusals to re-invitation: A comparison between Japanese and Indonesian female students. *Studies in Comparative Culture*. 124, 263-272.

Penulis

Natsue Hieda adalah pelajar Ph.D di Program Linguistik, Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau berfokus pada bidang pragmatik silang budaya dan pragmatik bahasa antara, khususnya kajian kontrastif antara bahasa Melayu dan bahasa Jepun.

Nor Hashimah Jalaluddin (Ph.D) adalah Profesor di Program Linguistik, Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Beliau mengkhusus dalam bidang semantik dan pragmatik. Penyelidikan beliau tertumpu kepada nahu dan korpus, pemikiran Melayu dan leksikografi.

Mohammad Fadzeli Jaafar (Ph.D) ialah Profesor Madya di Program Linguistik, Pusat Literasi dan Transformasi Sosiobudaya, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Bidang pengkhususannya ialah stilistik, pragmatik dan sosiolinguistik.